

## **SYARAT-SYARAT KEMASUKAN BAGI PENUMPANG ANAK KAPAL (PELAUT) :**

Seseorang Pelawat atau Penumpang anak kapal (Pelaut) yang hendak mendaftar masuk (sign-on) ke pelabuhan-pelabuhan tertentu dalam Malaysia perlu memenuhi syarat-syarat berikut:-

I	<p><b>Mempunyai Passport Dan Dokumen Perjalanan</b></p> <p>a. Setiap Orang atau Penumpang anak kapal (Pelaut) perlu mempunyai pasport atau dokumen perjalanan antarabangsa yang diiktiraf dan sah untuk masuk ke Malaysia.</p> <p>b. Pasport dan dokumen perjalanan mestilah masih sah berlaku, tulen, tidak rosak dan dalam keadaan baik.</p> <p>c. Tempoh sahlaku passport atau dokumen perjalanan mestilah masih sah berlaku tidak kurang daripada enam (6) bulan dari tarikh masuk ke Malaysia.</p>
II	<p><b>Mempunyai Buku Pelaut (Seaman Book)</b></p> <p>a. Setiap penumpang anak kapal mestilah mempunyai dokumen sokongan lain (Buku Seaman) sebagai bukti penumpang</p>
III	<p><b>Mempunyai Surat Jaminan (Letter of Guarantee)</b></p> <p>a. Setiap Orang atau Penumpang bakal anak kapal (Pelaut) yang hendak mendaftar masuk (Sign-on) mestilah membawa Surat Jaminan (Letter of Guarantee) yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia di pelabuhan-pelabuhan tertentu dalam Malaysia sebagai bukti pengesahan mendaftar anak kapal yang melayakkan diberikan Transit Visa ketika pemeriksaan masuk dilakukan.</p>
IV	<p><b>Mempunyai Visa</b></p> <p>a. Mesti mempunyai transit visa yang tulen dan teratur bagi Penumpang anak kapal (Pelaut) dari negara yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia.</p>
V	<p><b>Senarai Syak</b></p> <p>a. Seorang Penumpang anak kapal (Pelaut) mestilah seorang yang tidak terdiri atau bebas daripada orang-orang yang tercatat dalam senarai syak Jabatan (Rekod keselamatan Imigresen Malaysia).</p>